

10 JUL 2003

Abdullah-Kepimpinan (Bergambar)/I

ABDULLAH: PERALIHAN KEPIMPINAN BUKAN PERUBAHAN KERAJAAN

Oleh: Hafizah Kamaruddin

TOKYO, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberikan jaminan kepada Jepun bahawa peralihan kepimpinan di Malaysia November ini tidak akan merubah kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri pada Khamis berkata: "Pada November tahun ini akan berlaku perubahan dalam kepimpinan, tetapi tidak akan ada perubahan pada rejim."

Abdullah, yang akan mengambillalih daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri kelima dalam masa empat bulan lagi, menjelaskan bahawa walaupun Dr Mahathir tidak lagi menerajui kerajaan, Barisan Nasional akan kekal berkuasa seperti 45 tahun lepas.

"Tidak akan ada perubahan dalam undang-undang, sistem pentadbiran, teknonrat utama, budaya politik, sistem ekonomi dan perkara asas," kata beliau ketika menyampaikan ucapnama pada satu forum perniagaan anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro) di sini.

Forum itu, yang dianjurkan sempena lawatan rasmi Abdullah selama tiga hari ke Jepun atas jemputan kerajaan negara itu, dihadiri kira-kira 200 rakyat Jepun dan 150 ahli perniagaan dan pegawai kerajaan Malaysia.

Forum sehari yang bertemakan "Kesyukuran, Pertukaran dan Kerjasama: Malaysia dan Jepun Bekerjasama" sememangnya ditunggu-tunggu oleh masyarakat peniaga Jepun untuk mendengar daripada Abdullah sendiri mengenai peralihan kuasa kepimpinan yang akan berlaku pada kerajaan Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri berkata: "Keghairahan, keutamaan dan aspirasi kami (kerajaan Malaysia) tidak akan berubah."

Ini, katanya, termasuk Dasar Pandang ke Timur yang dilaksanakan Dr Mahathir pada tahun 1981 yang telah meletakkan asas yang kukuh dalam hubungan antara Malaysia-Jepun dengan pelbagai kerjasama dan pertukaran dijalankan sejak beberapa tahun lepas merangkumi pelbagai bidang.

"Saya percaya Malaysia harus meneruskan Dasar Pandang ke Timur di tahun-tahun dan dekad akan datang," katanya

Abdullah berkata Malaysia telah banyak belajar daripada kejayaan dan kegagalan Jepun dan bagaimana mereka menanganinya.

"Jepun akan terus menjadi model bagi mengimbangkan antara tradisi sosial dan modern, walaupun Malaysia terus menjadi contoh untuk mengimbangkan antara tradisi agama dan kemodernan, sekurang-kurangnya di dunia Islam," kata beliau.

Abdullah juga berkata Wawasan 2020 Dr Mahathir akan menjadi visi beliau dalam menjadikan Malaysia, bukan sahaja sebagai negara ekonomi maju menjelang tahun 2020 tetapi sebuah masyarakat yang makmur dengan ekonomi yang kompetitif sepenuhnya, dinamik, kukuh dan bersemangat."

"Saya penuh komited dengan setiap objektif strategik Wawasan 2020," kata beliau.

Beliau memberikan penghargaan kepada Dr Mahathir sebagai "seorang daripada lelaki terbaik yang dilahirkan Malaysia lebih 500 tahun lepas, sambil berkata: "adalah sangat sukar untuk menjejaki langkahnya."

Abdullah berkata beliau tidak menganggap dirinya sebagai "payung terjun ke dalam kerajaan dan politik Malaysia."

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau memulakan kariernya sebagai kakitangan awam 39 tahun lepas, sebelum menceburi bidang politik dan memenangi kerusi Parlimen Kepada Batas pada 1978.

Beliau telah berkhidmat dengan empat Perdana Menteri Malaysia dan

menjadi menteri kepada beberapa kementerian dan juga memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri sejak 1999.

"Dengan itu, saya banyak terlibat dengan keputusan-keputusan penting yang menjadi asas utama dasar luar dan dalam negara Malaysia," katanya.

Menyentuh hubungan Malaysia-Jepun, Abdullah menghargai Jepun sebagai "sahabat" kepada Malaysia dan Asia Timur, semasa krisis kewangan pada tahun 1997-1998.

"Dalam keadaan inilah kita dapat mempelajari siapa kawan dan lawan kita, yang mengambil berat tentang kita atau yang sebaliknya," katanya.

Mengenai kerjasama serantau, Abdullah berkata kerajaan di Asia Timur haruslah sentiasa bertindak sebagai "sebahagian daripada penyelesaian masalah dan bukan sebagai pencetus masalah."

"Kita boleh bekerjasama walaupun kita bertindak bersendirian, dalam bentuk yang lebih konstruktif. Bagaimanapun negara-negara di rantau ini sepatutnya bertindak bersama bagi kepentingan rantau, " kata beliau.

-- BERNAMA

HK MFJ BK RON